

Dr. M jangan terus kritik Abdullah – Nik Aziz *UM-6/11/2006*

KOTA BHARU 5 Nov. – Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak terus mengkritik secara terbuka kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana ia tidak menguntungkan rakyat dan negara.

Beliau berkata, walaupun pergeseran yang berpanjangan itu boleh menguntungkan politik Pas, namun ia tidak wajar berterusan.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu perlu menerima hakikat kerajaan sedia bertindak mengikut keadaan semasa.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, apa yang dilakukan oleh

Abdullah selaku Perdana Menteri tidak semestinya menyambung 100 peratus apa yang dibuat kerajaan pimpinan Dr. Mahathir terdahulu.

“Saya daripada Pas, walaupun disebut pembangkang kami membangkang atas dasar nasihat dan saya berasa risau tengok suasana pertembungan yang berlaku sekarang, semacam tidak ada orang tua yang boleh dirujuk,” katanya.

Nik Abdul Aziz berkata demikian pada sidang akhbar khusus bagi menyatakan kebimbangan beliau dan kerajaan negeri berhubung suasana politik negara di kediaman rasminya, JKR 10, di sini hari ini.